

Ucapan Mahathir berharga, relevan sepanjang zaman

UM 20 JUN 2003

KUALA LUMPUR
19 Jun — Para perwakilan dan ahli UMNO menyifatkan amanat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ketika menyampaikan ucapan dasarnya di Perhimpunan Agung parti itu hari ini sebagai amanat berharga yang relevan sepanjang zaman.

Mereka berazam untuk meneruskan perjuangan UMNO demi bangsa, agama dan tanah air.

Perwakilan UMNO Kedah, **Dr. Ku Abdul Rahman Ku Ismail** berkata, ucapan Dr. Mahathir yang menyeluruh serta berpandangan jauh mencerminkan kualiti yang ada pada pemimpin itu.

"Ingatan Presiden yang menegaskan bahawa hanya UMNO yang boleh mengalahkan UMNO, perlu dihayati dan diambil berat oleh ahli parti," katanya.

Perwakilan UMNO Perak, **Toh Sedewa Baja Abdul Talib Fahmi** berkata, ucapan Dr. Mahathir tentang sejarah dan masa depan UMNO perlu direnungi oleh semua pihak.

"Dr. Mahathir telah meletakkan parti dan negara ini dalam asas yang kukuh sebelum beliau berundur maka wajarlah kita

Perwakilan Puteri UMNO Kelantan, **Rohana Awang** pula menyifatkan, ucapan Preside UMNO sebagai amanat berharga yang wajar men-

memeliharanya," kata beliau.

Pemerhati UMNO Perlis, **Azman Musa** berkata, ucapan dan amanat Dr. Mahathir ibarat nasihat ayah kepada anak-anaknya.

"Saya berasa sedih dan terharu dengan nasihat yang diberikan oleh Dr. Mahathir dan berharap ia akan menjadi panduan dalam perjuangan kita kelak," katanya.

Perwakilan Wanita UMNO Sabah, **Datuk Norjan Khan Bahadar** berkata, ucapan Dr. Mahathir yang meminta ahli-ahli mengukuhkan perpaduan dalam parti menunjukkan keseriusan beliau tentang soal itu.

"Perpaduanlah yang menentukan kekuatan keseluruhan UMNO maka wajarlah ahli UMNO mengambil iktibar daripada apa yang disampaikan oleh beliau," katanya.

Perwakilan UMNO Kedah, **Alias Awang** berkata, ketokohan Dr. Mahathir selama memimpin UMNO tiada tolok bandingnya.

Katanya, Dr. Mahathir akan berundur daripada memimpin parti dengan meninggalkan pesanan-pesanan berharga kepada ahli-ahli UMNO.

"Wajarlah kita semua renung pesanannya terutama mengenai kesetiaan terhadap parti dan penggantinya," kata beliau.

jadi pedoman semua pihak.

"Sebagai ahli Puteri UMNO yang masih memerlukan bimbingan, saya berasa sedih kerana begitu cepat sekali Dr. Mahathir mahu meninggalkan parti," katanya.

Tersirat

Anggota Puteri UMNO dari Selangor, **Nirakusukma Sandari Ahmad** berkata, ucapan Dr. Mahathir penuh dengan makna tersirat dan tersurat serta menggambarkan suka duka beliau terhadap orang Melayu.

Menurut Nirakusukma, ahli-ahli UMNO tanpa mengira peringkat perlu menghormati pendirian Dr. Mahathir termasuk meletakkan kepercayaan kepada penggantinya Datuk Seri **Abdullah Ahmad** Badawi.

Pemerhati Puteri UMNO Perak, **Dr. Elya Zetti Hamdi** berkata, saranan Dr. Mahathir supaya ahli-ahli UMNO tidak mengkhianati parti adalah faktor penting dalam menentukan kejayaan UMNO di masa akan datang.

"Saya berasa sedih apabila mendengar ucapan Dr. Mahathir yang mengingatkan semua ahli UMNO betapa perlunya menjaga perpaduan dan ketaatan kepada parti," katanya.